



Keberkesanan Model CeMat dari Aspek Penulisan Karangan Bahasa Melayu Peringkat SPM

The Effectiveness of the CeMat Model from the Aspect of Malay Essay Writing SPM Level

Richard Ignacy* & Vijayaletchumy Subramaniam

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: rignacy@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.6.2025>

Abstract

The CeMat model is designed to cultivate essays that are both outstanding (Ce) and sophisticated (Mat). This initiative is in line with the recent revisions to the KSSM Curriculum and addresses several challenges that students encounter in essay writing. This study adopts the Design and Development Research (DDR) approach, as conceptualized by Richey and Klein (2007). The paper specifically concentrates on the third phase of the DDR framework, which involves assessing the effectiveness of the developed CeMat Model. In this phase, a quantitative methodology is employed, utilizing quasi-experimental techniques and leveraging SPSS software for data analysis. Consequently, students exhibited a significant increase in confidence when writing essays using the new methodologies. This newfound confidence not only has the potential to improve their performance in internal examinations and in the SPM level. The study provides a novel writing guide for students and offers pedagogical support within the Malay Language curriculum. The CeMat Model represents a new innovation in the realm of Malay essay writing, serving as an alternative for students in their efforts to enhance their performance in the Malay Language subject.

Keywords: CeMat Model, File QR KFC RIMa²Na PAPK, LK UMIBaKaP, UMIBaKaP Method

Abstrak

Model CeMat bertujuan menghasilkan karangan yang cemerlang (Ce) dan matang (Mat) dibangunkan. Hal ini sejajar dengan perubahan Kurikulum KSSM yang baharu di samping pelbagai permasalahan murid dalam penulisan karangan. Kajian ini menggunakan pendekatan DDR atau Design and Development Research seperti yang diilhamkan oleh Richey and Klien (2007) dengan memfokuskan fasa ketiga iaitu menilai keberkesanan Model CeMat. Fasa ketiga ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan teknik kuasi eksperimental dengan menggunakan perisian SPSS. Hasilnya, murid menunjukkan keyakinan yang tinggi untuk menulis karangan dengan menggunakan kaedah baharu selain berpotensi untuk meningkatkan prestasi dalam peperiksaan dalaman dan SPM. Kajian yang dihasilkan merupakan panduan penulisan yang baharu kepada murid dan sokongan pedagogi dalam kurikulum bahasa Melayu. Model CeMat merupakan inovasi baharu dalam arena penulisan karangan bahasa Melayu selain menjadi satu alternatif kepada murid dalam usaha memantapkan prestasi yang cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Fail QR KFC RIMa²Na PAPK, Kaedah UMIBaKaP, LK UMIBaKaP, Model CeMat



Pengenalan

Bilangan murid gagal dalam subjek BM telah melebihi 100,000 bagi tempoh lima tahun dalam SPM (2019-2023). Hal ini bermakna ratusan ribu murid tidak berjaya mendapat sijil pada peringkat SPM. Perkara ini turut mengundang pelbagai persoalan iaitu, “ke manakah hala tuju murid-murid ini dalam memenuhi pasaran kerjaya nanti?” Dalam konteks permasalahan murid, Richard Ignacy & Vijayaletchumy Subramaniam (2024) berpendapat terdapat segelintir murid yang hanya mahu mencapai tahap minimum (lulus) dalam peperiksaan dan bukannya mahu menguasai aspek bahasa terutamanya kemahiran menulis. Masalah dalam penulisan karangan berlaku dalam kalangan murid bukan penutur jati khususnya murid berketurunan Cina (Zulkifli Osman et al., 2022) masih berlaku hingga kini walaupun pelbagai kajian dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Perkara ini turut dipersetujui oleh para sarjana yang terkini dan sebelumnya seperti Aman Shah et al., (2021) dan Yong dan Vijayaletchumy (2012). Dari sudut yang berbeza pula, masalah timbul dalam kemahiran menulis apabila para guru menerapkan kaedah hafalan dalam penulisan. Pendekatan guru yang konvensional turut mencetuskan rasa kebosanan dalam bilik darjah (Chew Fong Peng & Nur Juliana Masingan, 2021). Kajian Andrew et al., (2019) pula melihat permasalahan guru yang sekadar mahu menghabiskan sukatan pelajaran dan berorientasikan peperiksaan yang tidak memberi penekanan terhadap penguasaan kemahiran menulis murid. Sejalan dengan permasalahan tersebut, Model CeMat dibangunkan untuk membantu murid menghasilkan karangan yang cemerlang dan matang. Dalam konteks pembangunan Model CeMat ini, tiga aspek diberikan penekanan. Pertama, pengenalan kaedah penulisan baharu yang dikenali sebagai kaedah UMIBaKaP. Kedua, penggunaan bahan bantu mengajar yang dikenali sebagai Fail QR KFC RIMaNa P APK. Ketiga, Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP yang direka untuk membantu murid menghasilkan karangan mengikut panduan dalam bentuk jadual. Ketiga-tiga elemen ini membentuk Model CeMat yang boleh dimanfaatkan oleh murid aras sederhana dan baik serta untuk kegunaan warga guru subjek Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran menulis khususnya karangan jenis perbincangan (Vijayaletchumy Subramaniam et al, 2023). Objektif perdana kajian ini ialah menilai keberkesanan Model CeMat dalam kalangan murid tingkatan empat aras sederhana dalam penulisan karangan jenis perbincangan bahasa Melayu. Maka, kajian ini meletakkan persoalannya iaitu sejauh manakah keberkesanan Model CeMat dalam kalangan murid tingkatan empat aras sederhana dalam penulisan karangan jenis perbincangan bahasa Melayu?

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan DDR atau Design and Development Research seperti yang diilhamkan oleh Richey and Klien (2007). Makalah ini memfokuskan fasa ketiga dalam kajian DDR iaitu menilai keberkesanan Model CeMat yang telah dibangunkan melalui fasa kedua kajian. Penilaian dalam bahagian penting untuk menentukan kebolehgunaan modul CeMat yang telah dibangunkan dalam fasa 2 serta mengesan impak inovasi berkaitan. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan teknik kuasi eksperimen berbantuan SPSS. Kajian ini juga menggunakan teknik pemerhatian turut serta dan analisis dokumen (hasil karangan murid). Kajian ini melibatkan 200 orang murid tingkatan empat (berumur 16 tahun) yang lokasinya terletak di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat (100 orang murid) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi Pulau Tuba (100 orang murid) dari Daerah Langkawi. Untuk memastikan matlamat KSSM dan DSKP kemahiran menulis Bahasa Melayu dapat dicapai, inovasi Model CeMat ini mengetengahkan kaedah penulisan yang baharu (**Kaedah UMIBaKaP**). Seterusnya, murid disertakan alat bantu mengajar yang menggunakan bantuan digital Kod QR (**Fail QR KFC RIMa²Na P APK**) untuk memuat turun koleksi ungkapan menarik dan seterusnya, panduan penulisan secara koheren dan kohesi menggunakan lembaran kerja (**LK**



UMIBaKaP). Penghasilan karangan secara berkesinambungan ini mencerminkan hasil karangan murid dianggap cemerlang dan penggunaan ungkapan menarik dalam karangan menunjukkan kematangan murid. Aspek bahasa terutamanya struktur ayat yang gramatis jika dilatih secara konsisten membolehkan murid menghasilkan karangan cemerlang, menarik dan matang. Maka terhasillah suatu model yang boleh menjadi rujukan rujukan dan panduan untuk menghasilkan kaedah penulisan karangan yang berkualiti.

Dapatan

Pandangan responden telah diambil menerusi skala likert 5 poin, iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju, dan Sangat Tidak Setuju. Pengkaji membincangkan dapatan nilai min bagi setiap pernyataan tersebut dengan mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min ke dalam tiga tahap seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 1 untuk mengetahui tahap nilai min bagi setiap kenyataan yang diberikan dalam borang soal selidik tersebut.

Jadual 1

Interpretasi Skor Purata ke dalam Tiga Tahap (Skala Likert 5)

Skor Purata	Interpretasi
1.00 – 2.33	Lemah
2.33-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Nota. Sumber diadaptasi daripada PIPP (2006-2010), Kuala Lumpur)

Berdasarkan dapatan kajian menerusi borang soal selidik yang diberikan, analisisnya secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Jadual 2

Analisis Deskriptif Keberkesanan Model CeMat

Item/ Bahagian	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
Item 1 kaedah UMIBaKaP membantu murid menghasilkan karangan yang cemerlang dan matang.	120 (60.0%)	80 (40.0%)	-	-	-	4.85	0.36	Tinggi
Item 2 Penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa dan pendapat tokoh menunjukkan kematangan dalam persembahan karangan.	150 (75.0%)	50 (25.0%)	-	-	-	4.88	0.33	Tinggi
Item 3 Fail QR KFC RIMaNa PAPK memudahkan pemilihan ungkapan menarik yang sesuai mengikut kehendak soalan karangan.	165 (82.5%)	35 (17.5%)	-	-	-	4.63	0.48	Tinggi
Item 4	170 (85.0%)	30 (15.0%)	-	-	-	4.75	0.44	Tinggi

bersambung



Jadual LK UMIBaKaP

membantu murid menulis
karangan secara koheren dan
kohesi

Item 5	180 (90.0%)	20 (10.0%)	-	-	-	4.83	0.38	Tinggi
Sesi perkongsian ini amat membantu dalam proses penghasilan karangan yang cemerlang dan matang.								
Item 6	190 (95.0%)	10 (05.0%)	-	-	-	4.90	0.52	Tinggi
Sesi perkongsian inovasi ini menambahkan keyakinan saya meningkatkan prestasi dalam peperiksaan.								

Berlandaskan Jadual 2, kesemua item yang diselidik bersama-sama 200 murid mencatatkan skala yang tinggi. Hal ini menunjukkan kesemua murid tingkatan empat yang terdiri daripada murid tahap sederhana meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap kaedah baharu iaitu Kaedah UMIBaKaP yang diiringi bahan bantu mengajar (Fail QR KFC RIMaNa PAPK) dan panduan penulisan secara koheren dan kohesi (LK UMIBaKaP). Daripada skala penilaian, kebanyakan pelajar sangat bersetuju atau bersetuju bahawa kaedah UMIBaKaP membantu mereka menghasilkan karangan yang cemerlang dan matang. Hal ini dapat dilihat dari jumlah pelajar yang memberi jawapan "Sangat Setuju" dan "Setuju" untuk setiap pernyataan berkaitan dengan kaedah tersebut. Kaedah UMIBaKaP membantu pelajar dalam menghasilkan esei yang cemerlang dan matang dengan menyediakan garis panduan dan teknik penulisan. Ia membantu pelajar menulis esei yang koheren dan kohesif dengan kesinambungan yang baik. Selain itu, ia menggalakkan penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa dan pendapat tokoh-tokoh terkenal, yang menunjukkan kematangan dalam penyampaian esei. Selain itu, dapatan data tersebut juga menunjukkan lebih ramai pelajar juga bersetuju bahawa penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa dan pendapat tokoh menunjukkan kematangan dalam persembahan karangan. Dari aspek pemilihan ungkapan menarik dengan bahan bantu mengajar pula, sebahagian besar pelajar juga bersetuju bahawa pemilihan ungkapan menarik dengan bahan bantu mengajar seperti Fail QR KFC RIMaNa PAPK memudahkan mereka dalam menghasilkan karangan yang sesuai. Kepentingan menggunakan ungkapan menarik seperti peribahasa dan pendapat tokoh-tokoh terkenal dalam penulisan esei adalah kerana ia menambahkan kedalaman dan kematangan kepada kandungan dalam karangan. Peribahasa sering mengandungi hikmah dan boleh membantu menyampaikan idea-idea kompleks secara ringkas. Dari sisi lain, apabila murid menyertakan pendapat tokoh-tokoh terkenal dapat memberikan kepercayaan dan kredibiliti kepada hujah yang dibentangkan dalam esei.

Perbincangan dan Kesimpulan

Secara keseluruhan, Jadual LK UMIBaKaP membantu pelajar dalam menulis esei secara koheren dan kohesif dengan menyediakan kerangka berstruktur untuk mengatur idea-idea mereka di samping penggunaan ungkapan menarik yang dapat meningkatkan kualiti esei dan membuatnya lebih menarik bagi pembaca. Ia membantu pelajar untuk menyusun secara logik pemikiran dan hujah-hujah mereka, memastikan aliran kandungan yang lancar dari satu titik ke titik yang lain. Dengan menggunakan jadual LK UMIBaKaP, pelajar dapat mengekalkan koherensi dalam esei mereka dengan menghubungkan idea secara efektif dan mengekalkan perkembangan yang jelas sepanjang esei. Pendekatan berstruktur ini pada akhirnya membantu pelajar dalam menyampaikan hujahan mereka secara jelas dan kohesif. Secara



keseluruhan, data menunjukkan bahawa sesi perkongsian inovasi dan penggunaan Model CeMat amat membantu pelajar dalam menghasilkan karangan yang cemerlang dan matang. Hal ini memberikan kesan positif terhadap keyakinan pelajar dan prestasi mereka dalam peperiksaan dalaman dan awam. Hasil inovasi Model CeMat ini memberikan impak yang besar terhadap penulisan karangan jenis perbincangan murid di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia. Begitu juga kepada para pendidik, inovasi ini dapat membantu dari aspek pedagogi dan kurikulum yang boleh dimanfaatkan. Inovasi ini juga disebar luas melalui perancangan aktiviti dan program kepada murid dan guru sekolah menengah.

Pernyataan Etika

Kajian ini telah mendapat kelulusan melalui e-RAS (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan), no. rujukan (KPM.600-3/2/3-eras(15668) bertarikh 8 Mac 2023.

Pernyataan KRediT Penulis

Richard Ignacy: Anotasi Teks, Pengkonsepan, & Penulisan; Vijayaletchumy Subramaniam: Semakan dan Penyuntingan.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Borneo International Journal*, 4(3), 26-36.
- Andrew, E., Rozita Radhiah Said & Roselan Baki. 2019. Meneroka penggunaan teknik flipped classroom dalam pengajaran kemahiran menulis. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 5(1): 1–8.
- Chew, F. P., & Masingan, N. J. (2021). Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kemahiran Menulis: Knowledge, Attitude and Readiness of students Towards Higher Order of Thinking Skills in Writing Skills. *PENDETA*, 12(2), 29–43.
- Ignacy, R., & Subramaniam, V. (2024). Language Errors in Writing Skills According to Corder's Theory. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(2), 776–791.
- Osman, Z., Abu Hassan, S., Sarudin, A., & Mohamed Redzwan, H. F. (2022). Kesan Pendekatan Model Stad Terhadap Pencapaian Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah Berketurunan Cina di Malaysia. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 10(1), 60 - 72.
- Subramaniam, V., Ignacy, R., Salleh C.I., & Ismail, M. (2023). Karangan Jenis Perbincangan Melalui Kaedah UMIBaKaP. *Dewan Bahasa dan Pustaka*
- Yong, Chyn Chye and Vijayaletchumy Subramaniam, (2012) Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa melayu oleh pelajar asing. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(2 (spe). pp. 667-692.